



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**STATISTIK PELABURAN LANGSUNG ASING (FDI) DI MALAYSIA DAN
PELABURAN LANGSUNG MALAYSIA DI LUAR NEGERI (DIA) 2022**

**FDI Malaysia merekodkan RM74.6 bilion sementara DIA
mencatatkan RM58.6 bilion, tertinggi pernah direkodkan sejak 2021
dan 2014**

PUTRAJAYA, 16 JUN 2023 – Pelaburan asing di Malaysia merekodkan aliran masuk bersih RM74.6 bilion pada tahun 2022 berbanding RM50.4 bilion pada tahun sebelumnya, sementara pelaburan di luar negeri mencatatkan RM58.6 bilion (2021: RM19.4 bilion). Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Statistik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia dan Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri bagi tahun 2022** hari ini . Pada akhir 2022, kedudukan FDI mencatatkan nilai yang lebih tinggi iaitu RM879.1 bilion.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, prestasi menggalakkan bagi kedua-dua FDI dan DIA telah menunjukkan keadaan ekonomi yang memberangsangkan dalam negara yang menarik syarikat asing untuk terus melabur dan begitu juga, syarikat tempatan untuk terus mengembang dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan di luar negara.

Berdasarkan kepada prestasi FDI mengikut sektor, sektor Pembuatan berkembang RM17.1 bilion untuk merekodkan aliran masuk bersih RM49.5 bilion yang menyumbang kepada aliran terbesar dalam FDI. Sektor Pembuatan menarik 66.4 peratus dari jumlah pelaburan, terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan pembuatan lain. Sementara itu, Perkhidmatan merupakan

penyumbang kedua terbesar terutamanya dalam aktiviti Kewangan, diikuti oleh sektor Perlombongan terutamanya dalam bentuk Ekuiti & dana pelaburan saham.

Rantau Amerika memintas Asia sebagai rantau tertinggi FDI bagi 2022 dengan aliran masuk bersih sebanyak RM42.6 bilion, terutamanya daripada Amerika Syarikat yang berjumlah RM37.8 bilion. Sementara itu, rantau Asia menjadi sumber utama kedudukan FDI dengan nilai sebanyak RM449.0 bilion, diikuti oleh Eropah pada RM224.5 bilion dan Amerika pada RM187.3 bilion pada akhir tahun 2022.

Kedudukan FDI telah meningkat kepada RM879.1 bilion pada akhir tahun 2022, berbanding RM782.0 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penerima terbesar iaitu 48.4 peratus atau RM429.1 bilion, dipacu oleh aktiviti Kewangan dan borong. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 43.5 peratus dari jumlah FDI, terutamanya dalam subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan pembuatan lain.

Seperti mana prestasi FDI, aliran DIA meningkat sebanyak RM39.3 bilion untuk merekodkan RM58.6 bilion disumbangkan oleh aliran keluar yang lebih tinggi dalam ekuiti dan keuntungan yang dikekalkan di luar negara. Perkhidmatan kekal sebagai sektor utama bagi DIA, menyumbang 72.2 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan terutamanya dalam aktiviti Kewangan. Sementara itu, sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembuatan masing-masing menyumbang 12.5 peratus dan 10.2 peratus.

Asia memintas Eropah sebagai rantau utama bagi aliran DIA pada tahun 2022 dengan nilai sebanyak RM23.5 bilion terutamanya ke Indonesia dan Singapura. Ini diikuti oleh Eropah dan Amerika masing-masing pada RM21.0 bilion dan RM12.0 bilion. Secara keseluruhannya, negara penyumbang utama bagi aliran DIA adalah terutamanya disalurkan ke Belanda, Indonesia dan Singapura.

Pada akhir tahun 2022, kedudukan DIA berada pada RM607.5 bilion (2021: RM546.5 bilion) yang mana Singapura, Indonesia dan Belanda merupakan tiga destinasi utama bagi para pelabur.

Setelah pandemik COVID-19 mereda dan ekonomi global mula kembali pulih secara daripada kesannya, analisis lanjut pendapatan yang diperoleh pada pelaburan tahun 2022 menunjukkan bahawa kedua-kedua pelabur FDI dan DIA terus menikmati pulangan yang tinggi terhadap pelaburan mereka. Dari segi purata, pulangan pelaburan bagi syarikat FDI pada tahun 2022 menurun sedikit kepada RM0.12 daripada RM0.13 pada 2021 bagi setiap RM1.00 pelaburan. Manakala, syarikat Malaysia menerima RM0.08 bagi setiap RM1.00 pelaburan yang dibuat di luar negara. Ini terutamanya dalam sektor Perkhidmatan yang memperoleh pendapatan tertinggi daripada FDI, sementara sektor Pembuatan memperoleh pendapatan tertinggi daripada DIA.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

Carta 1: Prestasi pelaburan Malaysia 2010 – 2022 (RM bilion)



Paparan 1: Pelaburan Langsung Malaysia, 2022



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

16 JUN 2023



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

PRESS STATEMENT

**STATISTICS OF FOREIGN DIRECT INVESTMENT (FDI) IN MALAYSIA AND
MALAYSIA'S DIRECT INVESTMENT ABROAD (DIA) 2022**

Malaysia's FDI recorded RM74.6 billion while DIA registered RM58.6 billion, the highest ever recorded since 2021 and 2014, respectively

PUTRAJAYA, 16 JUNE 2023 – Foreign investment into Malaysia recorded net inflows of RM74.6 billion in 2022 as compared to RM50.4 billion in the previous year, while investment abroad registered RM58.6 billion (2021: RM19.4 billion). The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the release of Statistics of Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia and Malaysia's Direct Investment Abroad (DIA) for 2022. As at the end of 2022, FDI position registered a higher value of RM879.1 billion.

According to the Department of Statistics Malaysia, the encouraging performance in both FDI's and DIA's has shown the favourable economic situation in the country that attracted foreign companies to continue their investments and similarly, local companies to expand and diversify their business activities abroad.

Based on the FDI performance by sector, Manufacturing sector expanded by RM17.1 billion to record net inflows of RM49.5 billion which attributed to the largest flows in FDI. Manufacturing sector attracting 66.4 per cent of total investment, particularly in Electrical, transport equipment and other manufacturing sub-sector. Meanwhile, Services was the second highest contributor mainly in Financial activities, followed by Mining sector which mainly in the form of equity & investment fund shares.

The Americas region surpassed the Asia as the highest region of FDI for 2022 with net inflows of RM42.6 billion, mainly from the United States of America (USA), which amounted to RM37.8 billion. Meanwhile, Asia region has been the predominant source for FDI position with a value of RM449.0 billion, followed by Europe at RM224.5 billion and the Americas at RM187.3 billion as at the end of 2022.

FDI position had increased to RM879.1 billion at the end of 2022 as against RM782.0 billion last year. The Services sector remained the largest recipient at 48.8 per cent or RM429.1 billion, driven by Financial and wholesale activities. This was followed by Manufacturing sector which accounted for 43.5 per cent of total FDI, particularly in Electrical, transport equipment and other manufacturing sub-sector.

Similar to FDI performance, the DIA flows rose by RM39.3 billion to record RM58.6 billion attributed to higher outflows in equity and profit retained abroad. Services remains as a primary sector for DIA, contributing 72.2 per cent of the total investment especially in Financial activities. Meanwhile, the Mining & quarrying and Manufacturing sectors contributed 12.5 per cent and 10.2 per cent, respectively.

Asia overtook Europe as the leading region of DIA flows in 2022 with a value of RM23.5 billion notably to Indonesia and Singapore. This was followed by Europe and the Americas at RM21.0 billion and RM12.0 billion, respectively. Overall, the main contributing countries to DIA flows were mainly channelled to the Netherlands, Indonesia and Singapore.

As at the end of 2022, the DIA position stood at RM607.5 billion (2021: RM546.5 billion) in which Singapore, Indonesia and the Netherlands were the top three destinations for investors.

After the COVID-19 pandemic subsided and the global economy slowly recovered from its impact, further analysis of the income gained on investments in 2022 reveals that both FDI and DIA investors continued to experience high returns on their investments. On average, the return on investment (ROI) for FDI companies in 2022 slightly decreased to RM0.12 from RM0.13 in 2021 for every RM1.00 of investment. Conversely, Malaysian companies received RM0.08 for every RM1.00 of investment

made abroad. It is noteworthy that the Services sector attained the highest income from FDI, while Manufacturing sector secured the highest income from DIA.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release Preliminary GDP Estimates commencing the second quarter of 2023. The preliminary estimate is an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance before the Quarterly GDP is released.

Chart 1: Malaysia's investment performance for 2010 – 2022 (RM billion)





Exhibit 1: Direct investment of Malaysia, 2022



Released By:

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

16 JUNE 2023